

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : Lisan**  
**DARIPADA : Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ]**  
**TARIKH : 21 Mac 2018**  
**SOALAN : 51**

**Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan dua buah Klinik Kesihatan Type 4 (Jenis 4) di **Pekan Julau** dan **Pekan Pakan**, Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini **15,900** penduduk di Pekan Julau telah mendapat perkhidmatan kesihatan di enam (6) Klinik Kesihatan (KK) yang berdekatan iaitu KK Julau, KK Nanga Ensiring, KK Sekatong, KK Langga Lasi, KK Nanga Entabai dan KK Maong.

Bagi kawasan Pekan Pakan pula jumlah penduduk adalah seramai **15,600 orang**. Terdapat empat (4) buah klinik kesihatan sedia ada iaitu KK Pakan, KK Nanga Entaih, KK Nanga Wak, KK Nanga Kara.

Kementerian Kesihatan telah menerima cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 4 untuk Pakan di bawah RP4, RMK-11 dan tapak projek ini dalam tindakan untuk mendapatkan geran (*title*) daripada Kerajaan Negeri. KKM akan mengemukakan permohonan projek ini kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM), setelah isu geran diselesaikan kelak.

Buat masa ini, keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk setempat di Pekan Julau dan Pekan Pakan masih dapat ditampung oleh kemudahan Klinik Kesihatan sedia ada. Walau bagaimanapun, KKM akan memantau perkhidmatan yang disediakan di klinik ini dan akan menaiktaraf klinik sedia ada sekiranya ada keperluan dalam Rancangan Malaysia (RMK) akan datang.